

08/12/2000

Abdul Aziz tarik balik peletakan jawatan

KUALA LUMPUR, Khamis - Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, menarik balik keputusannya meletak jawatan selepas mengadakan perbincangan dengan ketua pergerakan itu, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Abdul Aziz berkata, keputusan itu dibuat Sabtu lalu iaitu sehari selepas beliau menghantar surat peletakan jawatan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Selepas berbincang dengan Hishammuddin dan Exco, kami membuat keputusan bahawa saya perlu teruskan perjuangan bersama Pemuda Umno.

"Kami akan buktikan segala kritikan terhadap Pemuda selama ini adalah perbuatan menuding jari untuk lari daripada masalah sebenar yang dihadapi parti," katanya selepas mesyuarat Exco Pemuda, di sini hari ini.

Mesyuarat hampir empat jam yang dipengerusikan Hishammuddin itu turut membincangkan mengenai keputusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas serta program pergerakan itu untuk mendapatkan balik sokongan generasi muda.

Abdul Aziz menjelaskan, beliau mengambil keputusan untuk melepaskan jawatan kerana berasa tidak berupaya menawarkan khidmat kepada Umno dan kecewa dengan pencapaian parti.

"Keputusan ini bukan saja kerana Lunas tetapi pencapaian Umno secara keseluruhan. Saya rasa Umno perlu perubahan mendadak, termasuk dari segi kepimpinan, cara mengatasi isu, hubungan dengan rakyat dan menjawab isu dibangkitkan pembangkang.

"Kekalahan Barisan Nasional (BN) di Lunas adalah pukulan terakhir yang saya rasa tidak berupaya lagi untuk menyumbang kepada Pemuda sebagai naib ketua," katanya.

Beliau meminta Umno tidak lari daripada masalah sebenar dengan menyalahkan Pemuda apabila calon BN tewas dalam pilihan raya kecil.

(END)